

SURAT PEKELILING NO. 32/2000

DARIPADA Setiausaha Kerajaan, Sarawak. KEPADA Semua Pegawai Daerah selaku Pegawai Pelesenan

S.K. Semua Residen
Semua Setiausaha Majlis Perbandaran/Daerah
Pesuruhjaya Polis Sarawak

ERKARA *PENDAFTARAN SEMULA SENAPANG PATAH*

UJ. KAMI 5/JKM.P/SEC/01/007/01

TARIKH 11 November 2000

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersejua untuk membenarkan pemilik-pemilik senapang patah yang berdaftar untuk mendaftar semula senapang patah mereka di Pejabat-
Pejabat Daerah yang berdekatan berkuatkuasa mulai dari tarikh surat pekeliling ini dikeluarkan.


2. Oleh yang demikian, pendaftaran semula senapang patah hendaklah mengikut tatacara yang telah ditetapkan seperti di lampiran berkepil. Pemilik senapang patah yang berdaftar di stesen lain boleh mendaftarkan semula senapang patah mereka di Pejabat Daerah yang berdekatan dengan syarat pihak Pejabat Daerah hendaklah mendapatkan pengesahan pendaftaran pemilik senapang patah tersebut daripada pihak Pejabat Daerah yang berkenaan. Pihak Majlis Perbandaran/Majlis Daerah adalah diminta untuk bekerjasama dengan Pejabat Daerah dalam urusan pendaftaran semula tersebut.

3. Hanya pemilik yang telah mendaftar semula senapang patah mereka dibenarkan untuk memperbaharui lesen pemilikan senapang patah serta mendapatkan permit membeli peluru di mana pembelian peluru dihadkan kepada jumlah maksima 10 butir sahaja. Sehubungan dengan ini, Surat Pekeliling Bil. 130/PKM/SULIT/3/A dan JKM.P/SEC/01/003/06/T masing-masingnya bertarikh 9 Mei 1985 dan 31 Oktober 1997 adalah dibatalkan.

3. Walau bagaimanapun; semua permohonan pindah milik senapang patah masih dibekukan sehingga ke suatu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.
4. Pihak tuan adalah dikehendaki mengemukakan laporan bulanan mengenai urusan pendaftaran semula senapang patah beserta borang-borang permohonan yang asal ke pejabat ini dengan sesalinan kepada pihak Residen Bahagian masing-masing untuk tindakan selanjutnya.
5. Sebarang pertanyaan/kemusykilan mengenai urusan pendaftaran semula senapang patah sila hubungi Puan Salmah Jobeli (No. telefon 082-448416) atau Encik Ho Khee Yee (No. telefon 082-492055).

Sekian, terima kasih.

'BERSATU BERUSAHA BERBAKTI'


(DATU DR. HATTA SOLHEE)
b.p. Sefiasaha Kerajaan
Sarawak